

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HGM 436 Geografi Pertanian

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana ARI (Agricultural Rainfall Index) dan IMA (Index of Moisture Adequacy) dapat membantu di dalam perancangan kegiatan pertanian di sesuatu kawasan.
(25 markah)
2. (a) Jelaskan perbezaan antara kesuburan tanah dan daya pengeluaran tanah.
(10 markah)

(b) Bincangkan faktor-faktor utama yang mengawal daya pengeluaran tanah di mana-mana kawasan pertanian.
(15 markah)
3. Jelaskan bagaimana kaedah imbalan air tempatan boleh digunakan untuk menyelaraskan di antara permintaan air dengan bekalan air dalam bidang pertanian.
(25 markah)
4. Dengan merujuk kepada mana-mana kawasan pertanian di Malaysia, bincangkan langkah-langkah pengurusan sumber air yang sesuai untuk menjamin kestabilan penanaman dan pengeluaran hasil pertanian.
(25 markah)

.../2

5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh amalan pertanian di kawasan tanah tinggi.
(25 markah)
6. (a) Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan sistem klasifikasi keupayaan tanah.
(10 markah)
- (b) Bincangkan kepentingannya di dalam perancangan pembangunan pertanian di sesebuah negara.
(15 markah)
7. Bincangkan konsep zon agro-ekologi dengan merujuk kepada jenis-jenis tanaman di Malaysia.
(25 markah)
8. "Strategi pembangunan pertanian di Malaysia selalunya dilihat sebagai satu keperluan politik". Bincangkan.
(25 markah)